

YOO8 8 CONLAY

Apakah definisi *luxury* atau mewah kepada anda? Buat YOO8, ia lebih daripada sekadar alamat eksklusif.



+ INFO KEDIAMAN

NAMA PEMAJU: KSK Land Sdn. Bhd (KSK Land)
NAMA PROJEK: YOO8, 8 Conlay
JENIS KEDIAMAN: Apartmen Servis Mewah
LOKASI: Jalan Conlay, Kuala Lumpur
HARGA: Daripada RM3,200 per kaki persegi.
KELUASAN : 700 kaki persegi hingga 1,308 kaki persegi.



Sejarah tercipta apabila 8 Conlay, Kuala Lumpur menjadi projek hartanah pertama yang diusahakan oleh pemaju KSK Land dengan nilai pembangunan kasar sekitar RM4.5 bilion. Ia bukan sekadar pembangunan norma apabila pemaju menggabungkan tiga buah hab utama di dalamnya. Ini termasuklah dua buah menara residensi dikenali dengan nama YOO8, cabang hotel mewah tertua dari Eropah iaitu Hotel Kempinski dan akhir sekali, sebuah 'podium' menempatkan kawasan komersil serta dewan banquet.

Fokus pastinya terarah pada residensi mewah YOO8 iaitu menara A yang telah pun membuka pintunya untuk proses pendaftaran. *Definitely a cut above the rest*, YOO8 mendapat sentuhan pereka dalaman terkemuka, Steve Leung & YOO dengan tema air dan kayu.

Ditambah pula dengan penyediaan servis oleh hotel mewah bersebelahan, Kempinski ke setiap unit tersebut. Tidak keterlaluan jika ia mendapat jolokan selaku pembangunan rumah bertingkat paling sofistikated di pusat segi emas tiga Kuala Lumpur. ●


Dua elemen klasik iaitu air dan kayu menjadi pilihan arkitek demi mencipta ambien eksklusif dan menenangkan; sama ada di ruang lobi mahupun di unit kediaman seperti ini.



+ Perlu Tahu

- ✓ Menawarkan 12 jenis kediaman berbeza mengikut rekaan pelan lantai dan vista pemandangan dari tingkap. Antaranya termasuklah jenis A (1 bilik tidur, 700 k/persegi), jenis B (1+1 bilik tidur, 756 k/persegi) dan jenis C (2 bilik tidur, 932 k/persegi). YOO8 menawarkan unit terbesar jenis E seluas 1,308 kaki persegi.
- ✓ Menara A YOO8 telah dibuka untuk pembelian. Ia menyediakan sebanyak 564 buah unit. Menara B pula bakal menyusul pada tahun 2017.
- ✓ Menyediakan kawasan rekreasi *Oasis In The Sky* yang direka oleh TROP Studio dari Bangkok. *Water lounge* terletak di aras 26 sementara *Green Refuge* (landskap hijau) di aras 44.
- ✓ Arkitek dan pereka dalaman dari Hong Kong, Steve Leung & YOO telah diberi tanggungjawab ke atas projek ini. Beliau merupakan antara pemain industri segar dengan imej rekaan minimal sofistikated untuk pelbagai projek antarabangsa.

Unit bertemakan air terletak di aras berdigit genap manakala tema kayu dihimpunkan di aras berdigit ganjil.





Impresi artis terhadap unit bertemakan kayu di YOO8. Peraka YOO dan Steve Leung turut bekerjasama dengan nama besar seperti John Hitchcox dan Philippe Starck. *First of its kind in Kuala Lumpur.*



Mendapat inspirasi daripada teras padi huma di Bali, landskap ini dinamakan Green Refuge sebagai sebuah kawasan komunal unik.



Persis bersiram di kamar hotel mewah, interiornya seiring dengan konsep hotel Kempinski bersebelahan walaupun hanya di kawasan mandi atau powder room sekalipun.



+ RESPONS

Melihatkan pada kos per kaki persegi yang ditawarkan, ia jauh melangkaui harga projek kediaman mewah setaraf dengannya di Kuala Lumpur seperti Banyan Tree (RM2,500-RM3,000) dan St Regis (RM3,000). Pada kos RM3,200, KSK Land tidak mudah melatah apabila disoal berkenaan isu tersebut.

Mereka kekal optimistik dengan perubahan zaman di mana masih ramai yang mengidamkan kediaman di lokasi 'panas' ini. Jalan Conlay dijadikan sebagai kapital umpan. Begitu juga dengan status YOO8 sebagai 'branded residences'; berbeza dengan status apartmen mewah. Pastinya harga yang ditawarkan itu sejajar dengan status tersebut.

+ TIP IMPIANA

Nama dan 'jenama' arkitek memainkan peranan penting dalam anda menilai kualiti servis dan binaan. Steve Leung boleh diibaratkan sebagai 'Andy Lau of design' di Hong Kong dan China, sementara Kempinski pula mempunyai pengaruh kukuh di Timur Tengah dan China. Oleh itu, jika anda berminat dengan projek kediaman mewah, kaji selidik terlebih dahulu portfolio dan ulasan pakar terhadap kredibiliti arkitek, pemaju dan peraka yang terlibat.